

Statistik-statistik Singapura:

- Penduduk: 4.5 juta
- 40% Penganut Buddha
- 15% Kristian (kebanyakannya orang China dan India)
 - 15% tidak ada agama
- 13.9% Orang Islam (Lebih daripada 500,000 orang)

Singapura terdiri daripada 62 pulau kecil dan satu pulau besar (699 km²) ke selatan Semenanjung Malaysia dan utara Indonesia. Walaupun 23% dari keluasan tanah Singapura terdiri daripada kawasan perhutanan dan

hutan simpanan, ia merupakan negara yang mempunyai kepadatan penduduk yang kedua tinggi di antara negara-negara merdeka. Singapura merupakan salah satu pelabuhan yang paling sibuk di dunia dan merupakan pusat perdagangan, kewangan dan teknologi bagi Asia Tenggara. Ia juga mempunyai taraf hidup yang tertinggi di Asia (ke-11 di seluruh dunia).

Bandaraya ini mempunyai suatu campuran pelbagai kebudayaan yang agak menarik. Ia dikenali sebagai bandaraya Cina yang paling

besar di luar negara China, 76% dari penduduknya dapat mengesani asal-usul mereka balik ke tanah besar China. Suku-suku ethnik yang lain termasuk orang Melayu 14%, dan orang India 7%. Oleh kerana Singapura terletak di salah satu jalan pengangkutan utama di dunia, ia merupakan negara berbagai agama.

Kerajaan Singapura telah meletakkan undang-undang keharmonian agama bersama-sama dengan saranan-saranan bagaimana orang-orang dari pelbagai agama harus berinteraksi, dan

memisahkan hal ini dari hal politik. Walaupun undang-undang tidak melarang penginjilan kepada orang Islam, ia tidak digalakkan. Mereka risau sekiranya penginjilan dibenarkan/digalakkan, masyarakat tempatan dan juga negara-negara jiran akan memberi reaksi yang tegas membantah perbuatan demikian secara tegas.

Kerajaan mengekalkan perhubungan semi-rasmi dengan komuniti Islam melalui Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). Majlis ini menasihati

kerajaan dalam hal-hal berkenaan dengan masyarakat Islam, merangkakan khutbah Jumaat, mengawal pendidikan dalam sekolah-sekolah Islam, dan menyelia tabung untuk pembinaan masjid yang menerima sumbangan sukarela. Ia juga menyelia pemberian wajib ataupun zakat melalui sistem pemungutan komputer.

Baru-baru ini seorang Kristian mendapat peluang mendoakan seorang Melayu yang beragama Islam dan mengongsikan Injil dengannya. Dia terbuka tetapi tidak

membuat keputusan menerima Kristus. Ini perkara biasa bagi pemuda-pemudi Islam di negara ini; mereka tidak begitu tradisional dan lebih terbuka. Walau bagaimanapun, seorang Melayu yang beragama Kristian pernah mengatakan bahawa di Singapura, orang-orang Islam dengan senangnya akan menjadi suatu suku yang tidak dapat dijangkau disebabkan perbatasan dan sikap mereka yang tidak senang membuat keputusan.

Bahan-bahan Doa:

* Berdoalah agar Tuhan akan memberi peluang, latihan dan kebolehan kepada orang-orang Kristian tempatan untuk mengisytiharkan Kristus kepada orang-orang Melayu, India, Pakistan dan juga masyarakat-masyarakat lain dengan cara yang sesuai (Yesaya 60:1-3).

* Berdoalah agar orang-orang Kristian akan dapat membina perhubungan yang baik dengan orang Islam, dan membuka jalan bagi mereka

mendengar berita baik (Roma 10:14).

* Berdoalah agar orang-orang percaya yang terlibat dalam perniagaan akan dapat mengongsikan Kristus dengan rakan-rakan sejawat mereka yang beragama Islam (Mazmur 49:6-8).

Berdoalah juga untuk:

Lebih dari setengah daripada mangsa-mangsa tsunami Disember 2004 tinggal di Bandar Aceh di pantai barat-laut Pulau Sumatera di Indonesia. Hanya Yesus dapat membawa penyembuhan dan harapan bagi mereka yang menderita akan kehilangan orang-orang tersayang, pekerjaan dan kediaman mereka.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim